

22 MAY 1996

Nik Aziz-Ekonomi (Fokus berita)

NIK AZIZ HURAI KERJASAMA PAS-UMNO DALAM BIDANG EKONOMI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) -- Apabila Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengadakan pertemuan dengan wartawan di sini dua malam lepas, beliau lebih bersemangat bercakap mengenai isu ekonomi dan bukan politik seperti lazimnya.

Beliau mengalihkan perhatian daripada hubungan renggang parti itu dengan Parti Melayu Semangat 46 dalam kerajaan negeri kepada soal "MoU" (perjanjian persefahaman) sambil merujuk kepada MoU dengan pihak pusat.

Pada 9 Mei lepas, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), melalui anak syarikatnya, Keloil Sdn Bhd, dan Koperasi Usaha Bersatu Malaysia (KUB), yang majoriti ahlinya anggota Umno, telah menandatangani perjanjian untuk membangunkan industri petrokimia di Kelantan.

Projek usahasama itu melibatkan pembinaan sebuah kompleks minyak dan gas dan pengeluar tenaga persendirian (IPP) di Pantai Senok, 10 km dari sini, yang dianggarkan bernilai RM2,000 juta.

Nik Aziz yakin projek itu akan membuka lebih banyak kerjasama dengan pusat.

"Daripada hanya lorong kecil, kita akan jadikan pula jalan kampung sehinggalah menjadi lebuh raya," katanya mengenai hubungan Kuala Lumpur-Kota Bharu sejak kerajaan negeri pimpinan Pas mengambil-alih pemerintahan daripada Barisan Nasional enam tahun lepas.

Jika Pas memerlukan kerajaan pusat, yang didokong oleh Umno, untuk membantu membangunkan negeri ini, Nik Aziz berkata Umno juga tidak boleh mengeneipkan Pas yang memegang tampuk pemerintahan negeri.

"Kita nak pada Umno dan Umno nak pada kita, barulah betul," katanya.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Nik Aziz berkata beliau telah memohon kerajaan pusat supaya membina sebuah pelabuhan di negeri ini serta memanjangkan landasan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa.

Selain membolehkan penerbangan terus dibuat ke tempat-tempat seperti Jeddah dan Manila, beliau berkata keperluan itu semakin mendesak kerana penggunaan yang meningkat terhadap lapangan terbang itu.

Bagi Nik Aziz dan kebanyakan pemimpin negeri, kerjasama antara Pas dengan Umno itu setakat ini lebih nyata daripada usaha S46 untuk mengadakan kerjasama dengan Umno, ekoran pengumuman Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah baru-baru ini yang partinya akan bekerjasama dengan Umno.

Sementara itu, spekulasi tersebar luas mengenai kemungkinan beberapa anggota dewan undangan negeri (ADUN) dari S46 menyertai Umno.

Daripada 43 kerusi dewan undangan negeri, Pas memiliki 24 kerusi, S46 mempunyai 12 manakala BN tujuh.

Tetapi kepimpinan Pas negeri tidak bimbang mengenai kemungkinan itu.

Beberapa pemimpin kanan S46 negeri pula menyatakan bahawa sebarang kenyataan mengenai perkara itu masih merupakan spekulasi. -- BERNAMA

AZZ NMO